

# Berdamai, rundingan selesai kes tertunda

BH 24 MAR 2000

Oleh Jami'ah Shukri

PUTRAJAYA, Khamis – Peraturan mungkin diperkenalkan bagi menjadikan proses perdamaian dan rundingan sebagai kaedah baru menyelesaikan kes tertangguh di mahkamah berjumlah 798,540 kes sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata kaedah perdamaian dan rundingan boleh digunakan pada peringkat permulaan kerana di negara ini belum mempunyai sistem tawar-menawar terbuka.

“Jika ini gagal, kes itu boleh terus menggunakan sistem mahkamah,” katanya selepas menemui rombongan Majlis Peguam, diketuai Presidennya, R R Chelvarajah di pejabatnya, di sini hari ini.

Rombongan itu menyampaikan memorandum kepada Rais, yang antara lain membangkitkan isu penghinaan mahkamah, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan merayu kerajaan meminda syarat kuorum satu perlima bagi mesyuarat tahunan Majlis Peguam.

Sehingga akhir bulan lalu, ada 646,171 kes menunggu perbicaraan di Mahkamah Majistret, 94,640 kes di Mahkamah Sesyen, 51,927 di Mahkamah Tinggi, 5,567 di Mahkamah Rayuan dan 235 di Mahkamah Persekutuan.

Rais berkata, Kabinet yang dimaklumkan mengenai per-

kara itu dua minggu lalu mahu semua pihak berkaitan menangani isu itu dan jangan hanya menganggap ia sebagai masalah mahkamah.

“Kita mahu mahkamah, Majlis Peguam, Pejabat Peguam Negara, polis dan jabatan penjara duduk bersama mencari penyelesaian.

“Jika tidak diatasi secara bersama, kedaulatan undang-undang akan terjejas.

“Mahkamah mempunyai kuasa membatalkan kes yang tidak aktif. Sebagai contoh, kes 10 tahun lalu, mungkin keterangan bagi kes itu sudah hilang atau tidak lagi relevan,” katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Bertindak Penyelarasan Undang-undang JPM akan segera mengkaji peraturan baru melalui proses perdamaian dan rundingan sebagai penyelesaian kes tertunggak itu.

“Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat dengan agensi seperti mahkamah, Majlis Peguam, pendaftar mahkamah, polis dan penjara secepat mungkin bagi membincangkan perkara ini.

“Kita tidak mahu mereka yang didakwa menjadi tahanan reman terlalu lama kerana kes tertangguh,” katanya sambil menambah, kerajaan menyifatkan kes tertunggak di mahkamah sebagai masalah negara.

**LIHAT MUKA 2**

## Kenyataan hakim dipandang serius

DARI MUKA 1 BH 24 MAR 2000

“Jika kes tertunggak ini tidak diatasi dengan berkesan, kewibawaan dan kedaulatan undang-undang negara terjejas,” katanya.

Chelvarajah pula berkata, Majlis Peguam sependapat dengan Rais bahawa perkara itu harus diatasi dengan cepat untuk memastikan orang ramai masih mempunyai keyakinan terhadap sistem mahkamah.

“Semakin banyak kes terkumpul, tidak bergerak. Ia boleh diselesaikan dengan mudah dan tidak lagi tertangguh...ia bukan soal membatalkannya tetapi ada kes yang hanya menunggu untuk dibatalkan,” katanya.

Beliau berkata, perdamaian dan rundingan diguna pakai dengan berkesan di banyak negara, manakala ada orang-orang berkecayakinan di negara ini untuk mengendalikan perkara seperti itu.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita, Rais berkata kerajaan memandang serius kenyataan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mokhtar Sidin bahawa pe-

guam yang tidak memperbaharui sijil amalan guaman tahunan mereka dipantau, manakala perbualan melalui telefon pejabat mereka diawasi untuk menghalang mereka daripada terus mengamalkan guaman.

“Mendengar perbualan orang lain dalam telefon adalah salah di sisi undang-undang dan mencabuli hak individu.

“Kita perlu menyiasat dan saya berharap hakim itu memberikan kita sedikit keterangan untuk membolehkan riasatan,” katanya.

Mokhtar membuat kenyataan itu ketika peguam Ramanathan Velu memohon kepadanya, hakim Lamin Yunus dan hakim Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara enam bulan.

Ramanathan, 44, dituduh menghina mahkamah oleh Hakim Low Hop Bing di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Rabu lalu kerana mengamalkan guaman tanpa sijil guaman tahun ini.